

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 19/7/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Bangunkan industri perabot



MENYAKSI ... Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Perjanjian Penubuhan Kursi PUSAKA di Kampus UNIMAS, di Kuching, semalam.



BERTUKAR ... Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan menyaksikan Professor Dato Dr Mohamad Kadim Suaidi (kiri) dan Pengurus Besar PUSAKA, Datu Haji Serudu Haji Hoklai (kanan) bertukar Memorandum Perjanjian Penubuhan Kursi PUSAKA yang ditandatangani mereka di Kuching, semalam.

Hasilkan reka bentuk perabot untuk dikomersilkan dan berdaya saing di pasaran global

Bangunkan industri perabot

.....
MICHAEL SERING

KUCHING: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) mula bekerjasama membangunkan industri perabot negeri ini dengan menandatangani Memorandum Perjanjian Penubuhan Kursi PUSAKA di Kampus UNIMAS, di sini, semalam.

Memorandum terbabit bagi kedua pihak bekerjasama mempromutikan penyelidikan dan pembangunan produk berasaskan kayu terutama rekaan perabot yang meneroka motif, ciri dan artifak

etnik negeri ini serta meneroka bahan baharu di samping peningkatan teknologi pembuatan perabot.

Memorandum itu ditandatangani antara Naib Canselor UNIMAS, Professor Dato Dr. Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UNIMAS, Professor Dr Kopli Bujang, Pengurus Besar PUSAKA, Datu Haji Serudu Haji Hoklai dan Timbalan Pengurus Besar PUSAKA, Haji Hashim Bojet.

Majlis terbabit disaksikan disaksikan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua dan Menteri Pembangunan Perindustrian Dan

Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan bersama Menteri Muda Pembangunan Perindustrian (Pelaburan dan Promosi) dan Menteri Muda Ekonomi Luar Bandar (Kawasan Pesisiran) dan Perikanan, Datuk Julaihi Narawi.

Juga menghadiri majlis itu ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi, Pengerusi Eksekutif Harwood Timber Sdn Bhd, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor dan Pengasas serta Pengarah Ouryouth.my, Dato Patrick Liew.

Awang Tengah dalam ucapannya berkata Kursi

PUSAKA merupakan dana penyelidikan dan pembangunan produk perabot berasaskan kayu dan melaluinya PUSAKA dapat menggunakan sepenuhnya kapasiti intelektual UNIMAS bagi penghasilan reka bentuk perabot yang dapat dikomersilkan di pasaran antarabangsa.

"Kita juga berhasrat menghasilkan pereka muda dalam kalangan pelajar universiti dan juga pelajar tempatan yang berkebolehan menghasilkan reka bentuk perabot yang akan dikomersilkan dan mampu berdaya saing di pasaran global," katanya.

Tengah yakin dengan

sumber kayu yang banyak, negeri ini boleh mengeluarkan banyak perabot dengan reka bentuk dan bermotifkan kekayaan budaya penduduk negeri ini yang akan mampu menarik ramai pembeli perabot dari luar negara.

PUSAKA juga berhasrat menggunakan kemudahan perjanjian terbabit bagi menghasilkan lebih banyak barangan perabot yang menggunakan sumber kayu dari spesies Acacia Mangium dari ladang hutan tanam di negeri ini.

Selain itu, kerjasama terbabit diharapkan menghasilkan jenama perabot tempatan Sarawak yang boleh dibawa bersaing ke pasaran

antarabangsa dan seterusnya meningkatkan pendapatan eksport dari sektor perindustrian negeri ini.

"Pada masa ini nilai eksport kayu dan barangan kayu berjumlah RM7.2 bilion setahun. Tetapi dari jumlah terbabit hanya nilai eksport sektor perabot dari Sarawak hanya RM20 juta," katanya.

Katanya ini menunjukkan yang industri perindustrian di Sarawak banyak bergantung kepada eksport kayu dan produk kayu seperti papan lapis, kayu bergergaji, veneer dan produk yang lain walaupun mempunyai sumber kayu yang banyak bagi menghasilkan perabot.

"Kita lihat di negeri Johor

yang ada industri perabot yang berkembang walaupun mereka dari segi bahan mentah tidak sebanyak berbanding kita di Sarawak, ini kerana mereka menggunakan bahan mentah daripada pokok getah dan kelapa sawit," katanya.

Selain itu, pengusaha perabot di Johor juga bekerjasama dengan syarikat gergasi di Amerika dan Eropah dari segi reka bentuk perabot dan berharap negeri ini melakukan usaha sama bermula dengan menubuhkan syarikat induk yang akan melabur dalam industri perabot tempatan.